

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR  
JABATAN SENIBINA DALAMAN**

**NOVEMBER 2009**

Adalah disyorkan bahawa Projek Penyelidikan ini yang disediakan  
oleh

**NURSARA YASMIN BT TAJUL HAKMAH**


Bertajuk

**CADANGAN MEREKABENTUK SKIMA DAN REKABENTUK DALAMAN BARU UNTUK BUTIK SALIKIN  
SIDEK DI LOT 3.12 & 3.13, PUSAT MEMBELI-BELAH PAVILLION, JALAN BUKIT BINTANG, 50250,  
KUALA LUMPUR.**

Diterima sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia Laporan

:

 (4/11/09)

Pn. Nurrajwani bt. Abdul Halim

Koordinator Kursus

:

Pn. Azizah Md. Ajis

Koordinator Program

:

Prof. Madya Dr. Mohd Sabrizaa Bin Abd. Rashid

## **ABSTRAK**

Projek akhir untuk para pelajar Diploma Rekabentuk Dalaman merupakan ujian terhadap kefahaman pelajar tentang seluruh aspek projek rekabentuk dalaman yang telah dipelajari dari peringkat asas hingga ke peringkat persembahan cadangan rekabentuk. Projek yang telah dipilih bagi projek akhir ini ialah merekabentuk menghasilkan skema baru hiasan dalaman Butik Salikin Sidek yang terletak di Lot 3.12 & 3.13, Pavillion Shopping Centre, Jalan Bukit Bintang, 50250, Kuala Lumpur. Butik ini akan menjadi sebuah butik yang pertama menyediakan fesyen yang berteraskan songket dalam prasarana antarabangsa. Sasaran pembeli bukan sekadar warganegara malah antarabangsa. Oleh kerana matlamat pembinaan Butik Salikin Sidek ini bertaraf antarabangsa maka konsep dan stail dalam rekabentuk harus sesuai dengan citarasa antarabangsa tetapi tidak melupakan seni tradisional yang ingin ditonjolkan. Pembahagian dan penyediaan ruang perlulah mampu memberikan keselesaan terhadap pelanggan dan juga para pekerja ketika menjalankan aktiviti seharian dan juga dalam menjalankan urusan perniagaan. Imej dan konsep yang dipilih bukan sahaja sesuai dengan imej syarikat malah mampu memberikan kesan positif serta meningkatkan kepercayaan pelanggan yang datang membeli-belah di butik ini. Sehubungan dengan itu, stail rekabentuk yang dipilih untuk Butik Salikin Sidek ini ialah 'enduring art' yang membawa erti seni yang akan berterusan dan berkekalan. Konsep ini dipilih adalah kerana seni fabrik tradisional ini perlu dipelihara supaya ianya tidak hilang ditelan arus kemodenan dan dapat dihargai oleh generasi yang akan datang. Bagaimanapun, sebelum mendapatkan hasil rekabentuk yang sesuai, beberapa kajian perlu dilakukan di mana kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti keperluan dan kehendak 'boutique retail' yang telah berda dalam pasaran. Antara kaedah kajian ialah melalui temuramah, media cetak, internet, pemerhatian, pengalaman dan juga hasil daripada kajian kes samada dari dalam atau luar negara.

## **ISI KANDUNGAN**

## **MUKA SURAT**

<b>ABSTRAK</b>	<b>i</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>ii</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>iii</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>x</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xi</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xii</b>
<b>SENARAI SINGKAT KATA</b>	<b>xiv</b>
<b>BAB 1.0 PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1 PENGENALAN	2
1.2 METADOLOGI KAJIAN	4
1.2.1 Fasa Pertama	6
1.2.2 Fasa Kedua	6
1.2.3 Fasa Ketiga	7
1.3 MATLAMAT KAJIAN	10
1.4 OBJEKTIF KAJIAN	11
1.5 ISU	12

1.6	SKOP KAJIAN	13
1.7	HALANGAN KAJIAN	14
1.8	KEPENTINGAN KAJIAN	16
<b>BAB 2.0</b>	<b>KLIEN</b>	<b>18</b>
2.1	SEJARAH PENUBUHAN SYARIKAT	19
2.2	LATAR BELAKANG KLIEN	20
2.3	CARTA ORGANISASI	23
2.4	VISI, MISI DAN MATLAMAT	24
2.4.1	Visi	24
2.4.2	Misi	24
2.4.3	Matlamat	25
2.5	IMEJ KORPORAT KLIEN	26
<b>BAB 3.0</b>	<b>KAJIAN DAN ANALISA TAPAK</b>	<b>27</b>
3.1	PENDAHULUAN	29
3.2	PELAN DAN LOKASI TAPAK	35
3.3	KEADAAN PERSEKITARAN TAPAK CADANGAN	37
3.3.1	Kemudahan Di Persekitaran Tapak Cadangan	41

## **1.0 PENDAHULUAN**

### **1.1 PENGENALAN PROJEK**

Di Malaysia, industri fesyen adalah salah satu industri yang mula bertapak kukuh dan makin berkembang dari masa ke semasa dengan hadirnya ramai pereka muda yang menempah nama bagi menggalakkan lagi persaingan sihat dalam dunia seni itu. Keadaan ini secara langsung atau tidak dapat menjana ekonomi Malaysia dan menaikkan taraf hidup masyarakat setempat.

Dengan kehadiran pereka-pereka muda di sekitar Nusantara industri ini dapat dikembangkan ke peringkat antarabangsa. Selain daripada itu, penghargaan kepada nilai seni tradisional seperti seni batik dan songket yang kini kerap menjadi tumpuan juga tidak dilupakan oleh generasi muda. Kempen yang dijalankan oleh pihak kerajaan menaikkan industri fesyen terutama pereka yang sudah lama bertapak di negara ini seakan diberi peluang keemasan. Hal ini secara tidak langsung dapat memperkenalkan dunia fesyen Malaysia kemata dunia dan khasnya di Nusantara.

Sebagai pengenalan, 'retail' merupakan tempat untuk jual beli yang diadakan antara dua pihak. Salikin Sidek Sdn. Bhd. menawarkan pelbagai jenis produk yang tertumpu kepada seni songket selain daripada seni tradisional yang lain yang dikontemporariskan mengikut peredaran semasa. Walaubagaimanapun, saya telah menetapkan untuk menghasilkan butik 'retail' yang eksklusif bagi pasaran antarabangsa untuk Salikin Sidek Sdn. Bhd yang terletak dalam kompleks membeli-belah bertaraf enam bintang iaitu Pavillion, Jalan